



**KENYATAAN MEDIA**  
**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

**PENGURUSAN TEMPAT SIMPANAN ANJING DI**  
**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

**UNTUK TERBITAN SEGERA**

Berhubung tularnya video berkenaan pengurusan anjing-anjing terbiar di Pusat Kurungan kendalian Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL), Unit Vektor, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran (JPSPKP) MPKL telah mengambil tindakan pembersihan kurungan haiwan yang ditangkap dan meneliti semula tatacara pengurusan Pusat Kurungan tersebut. MPKL tidak mengambil remeh soal kebajikan haiwan yang ditangkap hasil maklumat daripada orang awam.

Semua haiwan yang ditangkap itu dijaga di Pusat Kurungan dengan diberi makan 2 kali sehari iaitu waktu pagi dan waktu petang. Makanan yang diberikan ialah makanan khas yang dibeli oleh MPKL dan anjing-anjing tersebut turut ditempatkan di tempat bersesuaian sepanjang berada dalam kurungan. Tempat kurungan tersebut turut dibersihkan secara berjadual bagi mencegah jangkitan kutu di kalangan haiwan di dalam pusat kurungan tersebut.

MPKL tidak mengabaikan anjing-anjing yang ditangkap tanpa penjagaan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, malah turut memberi peluang kepada individu yang berminat untuk mengambil haiwan tersebut untuk dijadikan peliharaan. Tangkapan anjing terbiar yang dilakukan oleh MPKL di sekitar daerah Kuala Langat adalah berdasarkan aduan awam yang diterima. Berdasarkan rekod, sebanyak 270 aduan dengan purata 22 aduan sebulan telah diterima MPKL pada tahun 2022 dan sebanyak 1153 ekor anjing telah ditangkap pada tahun tersebut. Anjing-anjing yang ditangkap kebanyakannya ialah anjing yang berpenyakit, tidak terurus dan kurang nutrisi.

MPKL telah menambahbaik pengurusan Pusat Kurungan supaya lebih teratur dari segi jadual pembersihan dan pengendalian tatacara pemberian makanan kepada anjing-anjing yang telah ditangkap. MPKL telah bekerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk mengambil dan menjaga anjing-anjing tersebut. Sebanyak 110 ekor anjing akan diambil oleh NGO berkenaan pada 10 Januari 2023. MPKL juga akan melantik Doktor Veterinar berdaftar bagi tujuan pelupusan anjing-anjing tersebut.

Selain itu juga, MPKL turut menyambut baik kesudian beberapa NGO lain yang berminat untuk mengambil haiwan yang ditangkap untuk ditempatkan di pusat perlindungan haiwan mereka. Orang awam yang tidak lagi mahu memelihara anjing peliharaan boleh menghubungi dan menghantar haiwan peliharaan kepada NGO yang mempunyai tempat perlindungan untuk haiwan-haiwan tersebut. Pihak MPKL menyeru orang awam agar tidak membiarkan anjing peliharaan sendiri dan terbiar di jalanan. Peliharalah haiwan peliharaan dengan penuh kasih sayang.

Disediakan oleh :

Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat

Majlis Perbandaran Kuala Langat

# TEMPAT SIMPANAN ANJING DI MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

